



## IN-SHOOFF Tidak Menghampaskan

Oleh ; Hermi Izwandi Sahimi & Mohd Izwan Izhar Haris

**Johor Bharu, 1-4 Disember 2008** -Kumpulan Nasyid UniMAP iaitu In-Shoff telah menyertai Festival Nasyid MAKUM 2008 yang telah diadakan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai Johor Darul Takzim. Sebanyak 15 Universiti dari IPTA turut menyertai pertandingan ini.

Pertandingan di peringkat saringan telah diadakan di Dewan Sultan Iskandar, UTM, manakala untuk peringkat akhir pula telah diadakan di Plaza Angsana Johor Bharu. Kesemua peserta telah melalui peringkat Saringan Pertama dan Saringan Kedua pada 2 Disember 2008. Namun, hanya 8 kumpulan sahaja yang layak ke Peringkat Akhir.

Antara universiti yang berjaya ke peringkat akhir adalah dari tuan rumah iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris(UPSI), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Kumpulan Nahwan Nur dari Universiti Putra Malaysia telah dinobatkan sebagai Juara keseluruhan pada Festival Nasyid ini. Mereka telah membawa pulang hadiah wang tunai RM 2,000.00, Piala Pusingan dan sijil penghargaan. Kejayaan itu menjadi lebih bermakna apabila Nahwan Nur turut memenangi Anugerah Lagu Terbaik, Anugerah Penyanyi Solo Terbaik dan Anugerah Muzik Iringan Terbaik dan turut membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM 600.00 bagi tiga Anugerah tersebut.

Kumpulan Firasat Inzar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), telah dinobatkan sebagai Naib Juara dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,500.00 dan sijil penghargaan. Mereka juga telah berjaya merangkul Anugerah Lirik Terbaik dan turut membawa pulang wang tunai RM 200.00. Manakala Kumpulan Embasheer dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berada di Tempat Ketiga dan membawa pulang wang tunai RM 1000.00 dan sijil penghargaan.

Kumpulan Nasyid In-Shoff dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) hanya mampu menduduki tempat keenam. Namun, mereka berjaya merangkul Anugerah Busana Terbaik seterusnya membawa pulang wang tunai RM 200.00 dan sijil penyertaan. Namun apa yang boleh dibanggakan oleh kumpulan ini, mereka adalah satu-satunya peserta Peringkat Akhir yang memainkan muzik iringan secara Live tanpa menggunakan Minus One.

Hadiyah kepada semua pemenang telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor, En. Abdul Hamid Muhammad. Teruskan perjuanganmu In-Shoff !